

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2014

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak bila dan mengapa pihak Indah Waters Konsortium menolak tanggungjawab menyelenggarakan paip dan tangki pembentungan yang terletak di kawasan awam taman-taman kos rendah seperti Kg. Sentosa di Sg Siput U, Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, loji rawatan kumbahan di

kawasan Perumahan Awam Sg. Siput, Kampung Sentosa adalah jenis tangki septik komunal [*Communal Septic Tank (CST)*]. Di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), tanggungjawab penyelenggaraan paip dan tangki pembedahan jenis CST diperuntukkan melalui Seksyen 62 (i) dan (ii) iaitu suatu tangki septik yang digunakan untuk lebih daripada suatu premis, adalah menjadi tanggungjawab bersama pemilik atau penghuni premis-premis tersebut untuk menyelenggara paip dan tangki pembedahan tersebut tanpa mengira lokasi tangki septik berkenaan.

Dengan penguatkuasaan Akta 655 ini pada 1 Januari 2008, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) tidak lagi bertanggungjawab untuk menyelenggara mana-mana CST. Walau bagaimanapun, IWK bersedia untuk memberikan perkhidmatan bagi CST yang bermasalah sekiranya mendapat aduan daripada penduduk ataupun penghuni premis dan perkhidmatan ini dibuat atas dasar tanggungjawab sosial sahaja. Perkhidmatan yang disediakan termasuk nyah-enapcemar dan membersihkan sumbatan pada saluran pembedahan yang bersambung kepada CST berkenaan. Namun, sekiranya kerosakan berlaku pada

saluran paip pembedungan yang bersambung kepada CST di dalam kawasan premis penghuni, ia adalah menjadi tanggungjawab penghuni berkenaan untuk memperbaiki saluran paip tersebut.

Dalam kes Kampung Sentosa, Sg. Siput, IWK bersedia membantu dan memberikan khidmat nasihat kepada para penghuni terlibat mengenai langkah-langkah terbaik seterusnya yang boleh diambil bagi menangani masalah yang dihadapi oleh penghuni di kawasan tersebut.